



# 2

## TEORI DAN PEMIKIRAN MENGENAI

### HUBUNGAN ETNIK

ROSMAN MD. YUSOFF

KASSIM THUKIMAN

#### 1.0 PENDAHULUAN

Perasaan perkauman di negara ini sejak merdeka sehingga kini tidak banyak berubah. Walaupun peristiwa 13 Mei 1969 menyedarkan banyak pihak tentang pentingnya perpaduan untuk keselamatan dan pembangunan negara tetapi ia tidak berupaya mengikis perasaan perkauman di kalangan kumpulan etnik di negara ini. Malahan pada masa ini, ikatan kesetiaan etnik memainkan peranan yang amat penting. Hampir seluruh kegiatan, tindakan dan pergerakan adalah berasaskan kepada etnik (Sanusi, 1984: 43-44).

Jika keputusan pilihan raya 1986 boleh dijadikan sebagai ukuran perasaan perkauman di negara ini, kita boleh rumuskan bahawa perasaan perkauman kumpulan etnik di negara ini amat tebal. Pilihan raya 1986 memperlihatkan betapa parti yang bersifat perkauman sahaja yang mendapat tempat di hati pengundi. Parti yang tidak mengharapkan sokongan satu-satu kaum tidak mampu bersaing dengan parti yang bercorak perkauman. Ini mudah difahami kerana dalam masyarakat berbilang etnik yang kumpulan etniknya bersaing antara satu sama lain untuk merebut sumber kekayaan yang sama, seruan-seruan menggunakan faktor etnik biasanya dengan mudah dapat mengumpulkan sokongan daripada anggota-anggota kumpulan etnik itu (Sanusi, 1984: 43). Perasaan perkauman yang tebal ini wujud di sebalik usaha kerajaan untuk mewujudkan perpaduan antara etnik. Usaha itu termasuklah menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara selepas berlaku peristiwa 13 Mei 1969, menggubal Dasar Kebudayaan Kebangsaan, membentuk sistem pendidikan yang berorientasi perpaduan, penggubalan prinsip Rukun Negara dan melancarkan rancangan pembangunan 20 tahun Dasar Ekonomi Baru.

Menerusi Dasar Ekonomi Baru, kerajaan berusaha untuk menambah penglibatan orang-orang Melayu dalam industri dan perdagangan. Hasrat ini jelas dinyatakan dalam buku Rancangan Malaysia Kedua 1971-75 (1971: 178):

“Tujuan utama Rancangan ini ialah menambah penyertaan orang-orang Melayu dan bumiputera-bumiputera yang lain dalam kegiatan pembuatan dan perdagangan. Penyertaan yang dimaksudkan ialah dari segi hak milik, pengurusan dan pekerjaan. Kerajaan telah menetapkan matlamat iaitu dalam tempoh dua puluh tahun, sekurang-kurangnya 30 peratus daripada kegiatan-kegiatan perdagangan dan perusahaan dalam semua bidang dan peringkat harus mempunyai penyertaan orang-orang Melayu dan lain-lain rakyat bumiputera dari segi hak milik dan pengurusan. Keutamaan juga diberi untuk mempercepatkan lagi tambahan pekerjaan bagi orang-orang Melayu dan bumiputera-bumiputera lain di semua peringkat dalam kegiatan pembuatan supaya mencerminkan corak penduduk berbilang kaum”.

Secara umum, di mana industri berkembang, di situlah peluang terbuka luas untuk manusia yang terdiri dari pelbagai latar belakang seperti agama, bahasa dan keturunan bekerja di bawah satu bumbung. Revolusi industri di England umpamanya, telah menemukan mereka yang tinggal di utara dengan mereka yang tinggal di selatan dan di antara orang Irish dengan Inggeris. Bila orang Protestan dari Utara Jerman memulakan kegiatan industri di Rhine, orang Katholik yang bertani di kawasan itu bekerja dengan mereka. Perkembangan industri kapas di India pula telah menemukan orang India dari pelbagai agama dan kasta dalam satu tempat kerja yang sama.

Di negara kita, perkembangan industri juga telah memberi peluang kepada rakyat pelbagai etnik untuk bekerja di bawah bumbung yang sama. Lantaran itu, melalui penglibatan orang Melayu dalam industri, peluang mereka untuk berinteraksi dengan etnik lain sudah tentu lebih banyak jika dibandingkan dengan keadaan

sebelumnya. Sungguhpun begitu, jika peluang ini digunakan atau dimanfaatkan sepenuhnya barulah ia dapat mengubah pola hubungan etnik di negara ini atau setidaknya-tidaknya di kalangan mereka yang terlibat dalam industri. Jika tidak, peluang akan hanya tinggal peluang seperti yang dikatakan oleh Williams, R. (1964: 161) “... *opportunity clearly is not interaction*”.

Oleh kerana peluang berinteraksi yang terdapat dalam industri belum tentu dapat mewujudkan perpaduan di kalangan pekerja yang terdiri dari pelbagai etnik, kemungkinan berlakunya konflik tidaklah mustahil. Mengikut pandangan yang konvensional, interaksi di tempat kerja atau dalam industri pada mulanya akan melemahkan tradisi kekeluargaan, status dan pekerjaan. Kemudian akibat interaksi dari mereka yang mempunyai latar belakang yang berbeza boleh menyebabkan wujudnya ketegangan antara kaum. Bagaimanapun, dalam jangka masa yang panjang, industri akan menghapuskan perasaan perkauman kerana pekerja-pekerja akan sedar bahawa peluang untuk memajukan diri bukan bergantung kepada faktor etnik tetapi berdasarkan kepada kecekapan (Bluner, H., 1965: 220-231).

Bagaimanapun, sarjana-sarjana yang terkemudian tidak bersetuju dengan pendapat ini. Mereka beranggapan bahawa interaksi seperti ini akan hanya meneguhkan konflik dan prejudis yang telah sedia wujud di antara etnik. Konflik dan prejudis ini menjadi teguh kerana mobiliti sosial menyebabkan manusia yang terdiri dari pelbagai etnik bersaing untuk mendapatkan kehendak yang sama seperti kuasa dan penghargaan. Lebih buruk lagi jika persaingan ini dilihat melalui kaca mata perkauman.

Oleh kerana negara kita menjadikan industri sebagai strategi mewujudkan perpaduan dengan menemukan etnik yang berbeza di tempat kerja yang sama di samping cuba menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi, kita perlu mengetahui dalam keadaan sebenar sejauh manakah hubungan kerja yang baru ini dapat mencapai matlamat ini. Kita juga perlu tahu apakah faktor-faktor yang menggalakkan atau menghalang perpaduan dalam industri.

## 1.1 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini cuba menilai hubungan di antara peluang berinteraksi dengan interaksi yang sebenarnya berlaku. Hubungan di antara kedua-dua aspek ini perlu ditekankan kerana interaksi akan hanya berlaku bila ada peluang untuk berbuat demikian. Jika tidak kerana berlakunya penghijrahan orang Cina dan India ke Tanah Melayu dan kemudiannya bermastautin di sini tidaklah kita berbincang tentang hubungan etnik. Tanpa kehadiran mereka tiadalah interaksi yang berlaku kerana tiada peluang untuk kita berinteraksi. Dengan hadirnya mereka di negara ini, wujudlah peluang interaksi dengan penduduk peribumi. Oleh itu kita perlu mengkaji sejauh mana interaksi tersebut berlaku di antara mereka.

Adalah jelas bahawa berbanding dengan kajian-kajian terdahulu, kajian ini tidak menekankan aspek interaksi sahaja tetapi menghubungkannya dengan peluang interaksi yang ada. Dengan mengambil kira hubungan kedua-dua aspek ini, rumusan ataupun kesimpulan yang dibuat akan menjadi lebih tepat dan adil. Sebaliknya, pengabaian kedua-dua aspek ini memungkinkan berlakunya berat sebelah dalam kajian. Kesimpulan yang menganggap sesuatu etnik lebih etnosentrik atau hanya bergaul dengan kumpulannya sahaja tentulah tidak adil dan berat sebelah jika tidak mengambil kira mengenai peluang yang dipunyai oleh etnik tersebut untuk berinteraksi dengan etnik lain.

Kajian mengenai peluang interaksi dan interaksi yang sebenarnya berlaku belum begitu diberi perhatian dalam kajian mengenai hubungan di negara ini. Walaupun ada kajian yang cuba melihat kepentingan peluang interaksi dan interaksi yang sebenarnya berlaku, ia tidak begitu mendalam. Abdullah Taib, Sanusi Osman dan Abu Hassan Othman (1982) telah cuba melihat kepentingan peluang interaksi dan interaksi yang sebenarnya berlaku. Mereka hanya menilai bagaimana peluang interaksi itu dipengaruhi oleh struktur kawasan kediaman dan umur sedangkan terdapat banyak faktor lain yang turut mempengaruhi peluang interaksi dan interaksi yang berlaku. Oleh itu kajian ini akan menilai faktor yang boleh mempengaruhi peluang

interaksi dan interaksi yang berlaku secara terperinci dan coba melihat situasi hubungan etnik dari perspektif yang lain.

Kajian seperti ini juga diharap dapat membantu kerajaan merangka dasar serta program perpaduan kaum yang lebih sempurna. Usaha mewujudkan identiti yang sama seperti melalui ideologi, budaya, bahasa dan sistem pendidikan tidak bermakna jika mereka tidak mempunyai peluang interaksi yang dapat mendorong berlakunya interaksi yang mesra dan mendalam. Begitu juga dengan menetapkan kuota penglibatan orang Melayu dalam industri dan di pusat pengajian tinggi juga tidak bermakna sekiranya dasar itu hanya menegangkan lagi suasana hubungan etnik. Apa yang perlu ialah kerajaan mengembangkan atau menekankan faktor yang akan membuka peluang interaksi antara etnik yang seterusnya mendorong berlakunya hubungan etnik yang mendalam dan mesra. Menerusi kajian ini, faktor yang mempengaruhi peluang interaksi dan interaksi yang sebenarnya berlaku akan cuba dikenal pasti

## **1.2 DEFINISI KONSEP**

Istilah yang didefinisikan di bahagian yang berikut ini merupakan istilah yang akan digunakan di sepanjang perbincangan dalam kajian ini.

### **1.2.1 Etnik**

Istilah etnik berasal dari perkataan Yunani “ethnos” yang bererti orang. Etnik dalam bidang sosiologi membawa erti sekumpulan manusia yang mempunyai persamaan dan menganggap dirinya sama dengan anggota yang lain dari segi budaya, agama, bahasa dan nilai hidup. Perasaan sesuatu kelompok yang menganggap kelompoknya berbeza dari kelompok lain disebabkan oleh ciri-ciri sosio-budaya tersebut dinamakan etnisiti.

Istilah etnik ini perlu dibezakan dari istilah ras. Ini kerana istilah ras mementingkan ciri-ciri dan sifat-sifat semula jadi manusia seperti bentuk badan, warna dan bentuk rambut, bentuk muka, tengkorak, hidung, mata dan warna mata dan warna kulit. Berdasarkan kepada perbezaan-perbezaan ini manusia dibahagikan kepada tiga kumpulan ras utama iaitu Kaukasoid atau orang Eropah (kulit putih), Negroid atau orang Afrika (kulit hitam) dan Mongoloid atau orang Asia Timur. Istilah ras boleh dikatakan terhad penggunaannya kerana tidak semua orang akan termasuk ke dalam tiga pembahagian ras ini. Umpamanya penduduk-penduduk di Kawasan Timur Tengah yang tergolong dalam kumpulan Mongoloid mempunyai ciri-ciri Kaukasoid dan Negroid kerana di antara mereka ada yang berkulit putih dan bermata biru dan ada juga yang berkulit hitam seperti orang Afrika.

Oleh itu istilah etnik lebih sesuai digunakan dalam kajian mengenai masalah perkauman dan perpaduan. Masalah-masalah ini wujud bukan kerana perbezaan warna kulit atau warna mata. Ia disebabkan oleh prejudis, stereotaip dan diskriminasi yang wujud akibat daripada perbezaan cara dan nilai hidup.

Menurut Schermerhon (1970: 12) yang membezakan di antara satu kelompok etnik dengan kelompok etnik yang lain ialah adat resam, pola-pola kekeluargaan dan kekerabatan, agama, bahasa dan nilai kelompok etnik berkenaan. Perbezaan ini menurutnya menjadikan ahli kelompok etnik yang lain. Sikap yang etnosentrik akan lahir apabila ahli sesuatu kelompok etnik menganggap ciri-ciri kebudayaan merekalah yang wajar, benar dan hebat dari kelompok etnik lain.

### 1.2.2 Interaksi Sosial

Interaksi sosial melibatkan hubungan di antara dua atau lebih individu atau kelompok di sesuatu tempat. Ia juga melibatkan beberapa unsur yang akan menentukan bentuk interaksi yang berlaku seperti berbentuk kerjasama, konflik, persaingan, hubungan *superior* dengan *inferior*. Unsur-unsur yang terlibat adalah seperti norma sosial, status dan obligasi timbal-balik (reciprocal obligations) (Coser dan Rosenberg, 1976: 143).

Ting Chew Peh (1979: 38) berpendapat interaksi sosial merupakan satu proses yang melibatkan dua atau lebih individu atau kelompok dan melibatkan tindakan saling balas membalas, dalam erti kata tingkah laku seseorang itu akan mengambil kira dan diorientasikan ke arah tingkah laku individu lain. Ia juga melibatkan saling jangkaan antara individu-individu yang terlibat dalam interaksi itu.

Di dalam kajian ini, di antara interaksi yang didapati berlaku ialah yang berbentuk *body language* seperti saling mengangkat tangan apabila berselisih jalan ataupun berjabat tangan, atau melalui perbualan dan tingkah laku yang lain seperti bersukan, menonton wayang atau makan bersama.

### 1.2.3 Integrasi Sosial

Integrasi sosial pada umumnya bermaksud penyatuan tetapi tidak semestinya berbentuk *melting pot* seperti yang cuba dilaksanakan di Amerika Syarikat. Weiner (1964: 55) berpendapat integrasi sosial bolehlah didefinisikan sebagai satu proses yang menyatukan kumpulan-kumpulan yang berasingan dari segi budaya dan sosial menjadi satu *territorial unit* dan membentuk perpaduan nasional. Schermerhon (1970: 12) juga mengutarakan pendapat yang hampir sama. Menurutnya, integrasi merupakan usaha menyatukan unit-unit kecil atau golongan minoriti ke dalam satu masyarakat yang dominan dari segi sosiobudaya dan falsafahnya. Kumpulan dominan perlu mempunyai kewibawaan dan keistimewaan yang mampu berfungsi sebagai petunjuk dan penagak kepada sistem nilai masyarakat.

Di dalam menangani masalah integrasi sosial, Malaysia menggunakan pendekatan asimilasi dan akomodasi. Pendekatan asimilasi bertujuan untuk memupuk dan mewujudkan nilai bersama seperti melalui penggubalan Rukun Negara dan pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Di samping mempunyai nilai bersama, melalui pendekatan akomodasi tiap-tiap etnik bebas mengamalkan cara hidup mereka secara aman.



Bersesuaian dengan pendekatan yang diambil oleh pihak pemerintah, integrasi sosial dalam kajian ini adalah merujuk kepada kesediaan seseorang menerima kehadiran etnik lain dalam hidupnya. Kesediaan ini dapat dilihat daripada segi sikap yang positif terhadap etnik lain seperti tidak prejudis dan tidak etnosentrik.

#### **1.2.4 Peluang Interaksi**

Peluang interaksi merujuk kepada peluang untuk berinteraksi yang terdapat di sesuatu tempat yang disebut sebagai situasi interaksi. Apabila terdapat dua orang di sesuatu tempat, wujudlah peluang berinteraksi. Tetapi hanya apabila kedua-dua orang itu mula berbual atau sebagainya barulah interaksi terjadi.

### **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan selepas berlakunya peristiwa berdarah 13 Mei 1969 menjadi perpaduan nasional sebagai matlamat utama untuk dicapai. Matlamat ini akan cuba dicapai melalui strategi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Salah satu daripada program yang dijalankan melalui strategi ini ialah program perindustrian. Melalui perindustrian, dasar kerajaan ialah "... bertujuan hendak membantu bumiputera bergiat secara aktif di dalam perindustrian di semua peringkat pemilikan dan gunatenggara" (Ahmad Atory, 1985: 171). Selaras dengan tujuan ini kerajaan telah menetapkan "... dalam tempoh 20 tahun sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah kegiatan perdagangan dan perusahaan dalam semua bidang dan peringkat harus mempunyai penyertaan orang Melayu dan lain-lain rakyat bumiputera dari segi hak milik dan pengurusan" (Malaysia, 1971: 178).

Penyertaan orang Melayu di dalam industri dijangka akan dapat mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat di negara ini. Oleh kerana ramai orang Melayu yang terlibat dalam kegiatan yang rendah daya pengeluarannya, penglibatan mereka di dalam industri

diharap dapat memperbaiki kedudukan ekonomi mereka akan dapat membebaskan mereka dari putaran ganas kemiskinan. Oleh kerana kerajaan menganggap kemiskinan sebagai "... sebab utama yang menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat di semua negara" dan "... boleh menghancurkan perpaduan negara" (Malaysia, 1971: 4), adalah dijangkakan penglibatan orang Melayu dalam industri dapat membasmi kemiskinan di kalangan mereka dan akan mewujudkan perpaduan di negara ini.

Penyertaan orang Melayu dalam industri juga akan memberi peluang kepada rakyat yang berbilang kaum di negara ini bekerja di bawah satu bumbung. Ini dinyatakan dengan jelas dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976: 19) iaitu:

"Kemajuan di bidang ini harus juga disertai oleh satu perubahan positif dari sistem ekonomi sekarang yang masih terbahagi mengikut garis-garis perkauman kepada satu sistem yang mencerminkan struktur masyarakat Malaysia, di kawasan-kawasan desa dan bandar, di ladang-ladang serta di kedai-kedai dan pejabat-pejabat. Melalui cara ini sajalah boleh diharapkan kepada hubungan rakyat berbilang kaum sekarang berkembang dan mekar ke peringkat perpaduan negara yang tulen."

Setakat menemukan etnik yang berbeza di tempat kerja yang sama, peranan industri memang tidak boleh dipertikaikan. Bagaimanapun, keberkesanan industri untuk mewujudkan perpaduan di kalangan etnik yang berbeza itu meninggalkan banyak persoalan. Antaranya ialah adakah industri mampu mewujudkan perpaduan dalam keadaan masyarakat yang mengamalkan sistem politik yang bercorak perkauman. Sekiranya wujud perpaduan, di peringkat manakah perpaduan itu? Adakah ia hanya bersifat sambil lalu serta terhad di tempat kerja ataupun bersifat mesra, mendalam serta berlanjutan di luar tempat kerja? Dalam keadaan kerja yang bising dan tidak boleh berbual ketika bekerja serta waktu rehat yang pendek, adakah pekerja dapat mewujudkan hubungan yang bermakna dengan

pekerja lain? Oleh kerana kelayakan pekerja bumiputera diambil bekerja untuk jawatan yang paling rendah sekali (M. Puthuchear, 1984: 25), adakah kita boleh mengharapkan wujudnya perpaduan yang menyeluruh di kilang?

Kajian yang dijalankan di kilang sama ada di dalam mahupun di luar negeri menunjukkan bahawa kilang belum lagi mampu mewujudkan perpaduan di kalangan pekerja-pekerjanya yang terdiri dari pelbagai etnik. Kajian yang dimaksudkan ialah kajian yang dijalankan oleh Fatimah Daud (1984) dan kajian Tham Kok Koon (1984/85) di kilang Naito Electronics (M) Sdn. Bhd. Seremban, Lew Lai Heong (1981/82) di Fima Metal Box, Petaling Jaya serta Ong Kim Hai (1983/84) di kilang Dunlop, Petaling Jaya. Di luar negeri kajian di kilang dijalankan oleh Orvis Collins di kilang Somerset.

Fatimah Daud (1984) melalui kajiannya di Minah Karan Factory (MKF) di Petaling Jaya mendapati pekerja berkelompok sesama sendiri ketika makan di kantin. Berlakunya pengelompokan seperti ini menurut Fatimah (1984: 15) adalah berpunca dari perbezaan kepercayaan. Walaupun majikan cuba mewujudkan perpaduan di kalangan pekerjanya dengan cara pekerja Melayu, Cina dan India ditempatkan bersebelahan ketika bekerja tetapi tidak berjaya. Kegagalan ini berpunca dari dasar kilang itu sendiri yang tidak membenarkan pekerjanya berbual ketika bekerja.

Masalah pusing ganti kerja atau *turnover* yang tinggi iaitu bilangan pekerja yang berhenti serta yang baru bekerja juga tinggi, ia menjadi punca gagalnya kilang mewujudkan perpaduan di kalangan pekerja. Di MKF sebahagian besar pekerjanya bekerja kurang dari dua tahun. Secara terperinci, 15 peratus adalah pekerja sementara yang biasanya bekerja untuk tempoh masa tiga bulan (Fatimah, 1984: 21) dan 50 peratus adalah pekerja-pekerja dalam tempoh percubaan yang sudah bekerja dalam tempoh kurang dari enam bulan (Fatimah, 1984: 22). Jika dicampur di antara jumlah pekerja sementara dan dalam tempoh percubaan bermakna 65 peratus dari jumlah pekerja MKF bekerja dalam tempoh kurang dari enam bulan. Tempoh ini adalah amat singkat untuk mewujudkan hubungan yang mesra antara pekerja secara menyeluruh.

Kajian-kajian latihan ilmiah tentang hubungan etnik di kilang juga menemui keputusan yang hampir serupa dengan hasil kajian Fatimah. Tham Kok Koon (1984/85: 114-115) mendapati interaksi pekerja di kilangan Naito Electronics (M) Bhd. Seremban adalah rendah dan pekerja lebih suka bercampur dengan kaum mereka sendiri. Di firma Metal Box, Petaling Jaya, Lew Lai Heong (1981/82: 82) mendapati peluang perhubungan yang terdapat di kalangan responden masih dirintangi oleh perbezaan agama dan nilai. Ong Kim Hai (1983/84: 103) melalui kajiannya di Kilang Dunlop, Petaling Jaya juga menemui keputusan yang hampir serupa.

Hanya satu kajian latihan ilmiah tentang hubungan etnik di kilang menunjukkan keputusan yang bertentangan. Kajian yang dijalankan oleh Ong Puay Liu (1983/84) di kilang Newey, Melaka mendapati hubungan antara etnik adalah intim dan mesra. Bagaimana keputusan ini mungkin dipengaruhi oleh lokasi kilang itu sendiri yang terletak di kawasan kampung dan pekerja-pekerjanya pula 81 peratus tinggal di luar bandar. Bagaimanapun kajian yang dijalankan di kilang Dunlop, Petaling Jaya juga menemui keputusan yang hampir serupa. Hal ini berkemungkinan ramai di antara mereka tinggal berjiran dan telah berkenalan sebelum mula bekerja.

Di luar negeri kajian mengenai hubungan etnik di kilang telah dijalankan oleh Orvis Collins (1946). Kajian ini dijalankan di kilang Somerset yang terletak di New Zealand. Di dalam kilang ini, kerja pengurusan dikuasa oleh orang Yankee, sementara kerja penyeliaan dikuasai oleh orang Irish. Faktor etnik inilah yang diambil untuk menentukan jenis pekerjaan yang akan dilakukan oleh pekerja dan ia menjadi "*a pattern of ethnic expectation, sponsorship and rejection*". Sebarang usaha majikan untuk merombak struktur ini hanya menimbulkan ketegangan. Dari kajian-kajian yang dinyatakan, permasalahan yang sering ditekankan ialah adakah wujud perpaduan di kilang. Sekiranya wujud, di peringkat manakah perpaduan itu. Adakah ia bersifat sambil lalu dan terhad di tempat kerja sahaja ataupun bersifat mesra dan mendalam serta berlanjutan di luar tempat kerja. Permasalahan bagaimana tempat kerja dapat mewujudkan perpaduan di kalangan pekerja-pekerjanya tidak begitu dititikberatkan.

Permasalahan seperti ini amat penting untuk dianalisis kerana setakat mengkaji sama ada wujud atau tidak perpaduan di tempat kerja, tidak akan membezakannya dengan kajian-kajian di situasi-situasi bercampur yang lain serta tidak akan menunjukkan kepada kita bagaimana tempat kerja berperanan mewujudkan perpaduan.

Sebaliknya, jika permasalahan yang dikaji ialah bagaimana tempat kerja berperanan mewujudkan perpaduan atau sebaliknya, kita akan dapat lihat bagaimana tempat kerja menyediakan peluang berinteraksi kepada tiap-tiap pekerja, adakah peluang itu mencukupi dan adakah setiap pekerja mendapat peluang yang sama ataupun tidak. Di samping itu, kita juga akan dapat melihat adakah majikan benar-benar berusaha untuk merapatkan hubungan dan seterusnya mewujudkan perpaduan di kalangan pekerja-pekerjanya. Kemudian barulah kita kaji reaksi pekerja dan faktor-faktor yang mempengaruhi reaksi pekerja-pekerja itu.

Kajian-kajian yang pernah dijalankan di tempat lain menunjukkan peluang untuk berinteraksi memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan perpaduan. Williams (1964: 162) menegaskan bahawa:

“... the amount of interaction that will take place for any groups in any community is strongly dependent upon the number of opportunities that exist for such interaction”.

Ini bermakna semakin banyak peluang yang diterima oleh sesebuah komuniti, maka berkemungkinan semakin banyak berlakunya interaksi antara kumpulan. Menurut Rabushka (1971: 106) interaksi yang kerap akan menghasilkan kadar integrasi yang lebih tinggi. Interaksi atau kontrak yang kerap dan mendalam juga akan dapat mengurangkan prejudis (Williams, 1964: 168; Wan Hashim, 1984: 78; Allport, 1954: 264).

Di negara ini, kajian yang memberi penekanan yang agak meluas kepada kepentingan peluang interaksi telah dijalankan oleh Abdullah, Sanusi dan Abu Hassan (1981). Kajian mereka membandingkan keadaan hubungan etnik di bandar Johor Bahru

dengan Kuala Terengganu. Peluang interaksi di antara etnik di kalangan ibu bapa di kedua-dua bandar tersebut wujud di tempat kerja dan pasar. Di kalangan pelajar pula, sekolah, aktiviti sukan, kawasan kediaman dan tempat hiburan merupakan tempat yang menyediakan peluang interaksi yang terbaik kepada mereka.

Kajian ini mendapati bahawa wujud darjah interaksi yang tinggi di antara anggota kumpulan etnik yang berbeza di kedua-dua kawasan kajian. Tetapi secara perbandingan, berdasarkan kepada undangan yang diterima ke majlis keramaian seperti majlis perkahwinan dan perayaan, kekerapan berlakunya interaksi di kalangan ibu bapa di Johor Bahru adalah lebih tinggi berbanding dengan Kuala Terengganu. Pola yang hampir sama juga terdapat di kalangan pelajar.

Pola hubungan seperti ini wujud kerana jika dibandingkan di antara Johor Bahru dengan Kuala Terengganu, Johor Bahru mempunyai masyarakat yang berbilang etnik berbanding dengan Kuala Terengganu. Kewujudan kawasan kediaman berbilang etnik yang banyak serta perkembangan industri yang pesat di Johor Bahru menyediakan banyak peluang interaksi antara etnik. Ini berbeza dengan Kuala Terengganu yang terdapat pemisahan etnik dari segi pekerjaan. Orang Melayu terlibat dalam aktiviti menangkap ikan dan bertani, manakala orang Cina pula kebanyakannya menceburi aktiviti perniagaan.

Satu lagi kajian yang menyentuh tentang peluang interaksi ialah kajian yang dijalankan oleh Sanusi (1983) di bandar Melaka. Berbanding dengan kajian di Johor Bahru dan Kuala Terengganu, aspek peluang interaksi tidaklah begitu ditekankan. Peluang interaksi di antara etnik di bandar Melaka banyak terdapat di tempat kerja, pusat membeli belah dan tempat kediaman. Peluang interaksi juga terdapat di majlis tertentu, dalam organisasi sosial dan politik dan aktiviti sukan. Bagi generasi yang lebih muda, peluang interaksi dengan etnik lain banyak terdapat di sekolah, tempat kediaman dan ketika bersukan.

Kajian ini mendapati bahawa apabila peluang interaksi di antara etnik bertambah, peluang itu akan digunakan sepenuhnya.

Menurut pengkaji, walaupun bukan semua jenis hubungan dapat mewujudkan perpaduan, tetapi hubungan sama status yang mendalam boleh mewujudkan persefahaman dan saling hormat-menghormati di antara ahli-ahli kumpulan etnik yang berbeza.

Kajian yang dijalankan oleh Abd. Aziz (1982/83) di kalangan penjaja di Alor Setar mendapati bahawa hanya mereka yang mempunyai peluang interaksi yang luas dengan penjaja dari etnik lain sahaja yang mempunyai hubungan rapat dengan etnik lain. Oleh kerana peluang interaksi dengan penjaja dari etnik lain wujud apabila berniaga berdekatan atau dalam kelompok yang sama, maka mereka dalam kumpulan inilah yang mempunyai hubungan yang baik dengan penjaja dari etnik lain. Mereka yang berniaga berdekatan didapati saling bantu membantu pada masa-masa tertentu.

Di luar negeri, kajian yang dijalankan oleh Williams (1964) di empat buah bandar industri di Amerika Syarikat boleh dianggap sebagai kajian yang memberi penekanan yang meluas kepada peluang interaksi. Kajian ini antara lain cuba melihat hubungan di antara peluang interaksi antara kumpulan, interaksi sebenar dan prejudis.

Williams (1964) mendapati peluang interaksi dipengaruhi oleh status asas dan peranan, personaliti dan darjah prejudis yang dipunyai oleh seseorang. Status asas termasuklah jantina, umur, tahap pendidikan dan status sosio-ekonomi. Orang lelaki didapati lebih terdedah kepada interaksi antara kumpulan berbanding dengan perempuan. Ini berlaku kerana orang lelaki lebih banyak terlibat dengan kerja di luar rumah. Oleh itu peluang mereka berinteraksi dengan orang lain selain dari ahli kumpulan adalah tinggi.

Dari segi umur, sungguhpun orang muda mempunyai peluang interaksi yang lebih banyak dari orang tua, tetapi perbezaannya tidaklah signifikan. Tahap pendidikan pula secara keseluruhannya berkecenderungan untuk menambah peluang interaksi antara kumpulan. Individu yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi juga mempunyai peluang interaksi yang tinggi (Williams, 1964: 167). Peluang interaksi juga lebih banyak terdapat di kalangan mereka yang mempunyai pekerjaan berstatus dan berpendapatan tinggi berbanding

dengan mereka yang berkedudukan rendah.

Selain dari faktor status asas, darjah prejudis seseorang akan mempengaruhi peluang mereka berinteraksi dengan kumpulan etnik lain. Didapati semakin tinggi darjah prejudis seseorang, semakin kurangnya ia berada dalam situasi yang terdiri daripada pelbagai etnik. Faktor personaliti juga turut mempengaruhi peluang interaksi seseorang individu. Didapati seseorang yang mudah bergaul (*sociable*) dengan orang ramai dan *nonauthoritarian* mempunyai lebih banyak peluang interaksi.

Sungguhpun kekerapan berlakunya interaksi sangat bergantung kepada banyaknya jumlah peluang yang ada untuk berinteraksi, namun peluang bukannya interaksi. Walaupun seseorang itu mempunyai banyak peluang interaksi, belum tentu interaksinya dengan etnik lain tinggi. Williams (1964: 163) mendapati interaksi dalam sesuatu situasi interaksi lebih dipengaruhi oleh faktor sikap dan personaliti. Maksudnya seseorang itu mempunyai kebebasan sama ada hendak mewujudkan persahabatan dalam sesuatu situasi ataupun tidak. Sikap dan personaliti didapati lebih mempengaruhi seseorang individu dari faktor peranan dan status.

Perbezaan jantina didapati mempunyai hubungan yang sangat tipis dengan interaksi. Jika wanita mempunyai peluang interaksi yang sama dengan lelaki, mereka juga akan mempunyai kadar interaksi yang sama tinggi dengan lelaki. Williams (1964: 167) merumuskan faktor jantina lebih berkait rapat dengan kadar interaksi berbanding dengan peluang interaksi. Berkaitan dengan pendidikan, didapati ia mempengaruhi peluang interaksi dan juga interaksi mereka dengan etnik lain. Semakin tinggi tahap pendidikan seseorang itu, semakin tinggilah interaksinya dengan etnik lain. Dari segi umur, secara umum orang yang lebih muda lebih memanfaatkan peluang interaksi yang ada berbanding dengan golongan yang lebih tua. Status sosio-ekonomi pula didapati tidak mempunyai faktor tertentu untuk seseorang itu berinteraksi apabila mempunyai peluang untuk berbuat demikian.

Berkaitan dengan hubungan di antara interaksi dengan prejudis, Williams (1964: 168) mendapati semakin kerap berlakunya interaksi, semakin rendah darjah prejudis etnik. Ia juga berpendapat



semakin kurang prejudis etnik, semakin kerap pula berlakunya interaksi.

Kajian lain pula menunjukkan hubungan sama status, pengalaman bergaul dengan etnik, tinggal berdekatan dan jangka masa berada bersama-sama mereka memberi kesan yang positif kepada hubungan antara etnik. Irish (1952: 15) umpamanya mendapati orang Caucasian yang tidak berjiran dengan orang Jepun-Amerika hanya mempunyai interaksi yang bersifat sambil lalu dan sementara, sebaliknya mereka yang berjiran dengan orang Jepun-Amerika mempunyai hubungan yang mendalam dan berterusan. Hubungan yang mendalam dan berterusan ini pula didapati berkesan mengubah sikap orang Caucasian menjadi lebih *'favorable'* terhadap orang Jepun-Amerika.

Kajian yang dijalankan oleh Irish (1952) ini bertujuan untuk menilai sikap orang Caucasian yang berpindah dan tinggal di situ apabila Sekolah Bahasa Jepun dibuka. Kajian ini dijalankan ke atas 154 orang Caucasian yang pernah tinggal berjiran dengan orang Jepun-Amerika di Bandar Boulder, Colorado dan 113 orang Caucasian yang tidak pernah berjiran dengan orang Jepun-Amerika.

Wilner, Walkley dan Cook (1952) pula membandingkan kajian yang mereka jalankan dengan kajian yang dijalankan oleh Deutsch dan Collins pada tahun 1949. Kajian yang dijalankan oleh Deutsch dan Collins dinamakan sebagai kajian A dan kajian yang dijalankan oleh Wilner, Walkley dan Cook dinamakan sebagai kajian B. Pada dasarnya kajian ini membandingkan dua kumpulan kulit putih (pertama yang tinggal berdekatan dengan Negro dan keduanya yang tinggal berjauhan dengan Negro secara relatif) dari segi darjah interaksi dan sikap mereka terhadap Negro.

Kajian A melibatkan dua projek perumahan yang bersifat *integrated* dan dua lagi bersifat *area-segregated*. Kajian B pula melibatkan dua projek perumahan yang *integrated* dan dua lagi bersifat *building-segregated*. Kajian A mempunyai penghuni Negro di antara 40 hingga 70 peratus. Kajian B pula mempunyai penghuni Negro berjumlah lebih kurang 10 peratus. 400 sampel diperolehi dalam kajian A iaitu 100 sampel bagi setiap projek perumahan manakala 800

sampel diperolehi dalam kajian B iaitu 200 sampel bagi setiap projek perumahan. Hasil kajian A menunjukkan bahawa mereka yang tinggal di kawasan *integrated projects* menyatakan interaksi dengan Negro kerap berlaku di bangunan tempat tinggal mereka dan di bangku yang dibina berdekatan tempat tinggal mereka. Manakala mereka yang tinggal di kawasan *area-segregated projects* pula tidak menganggap bangunan tempat tinggal mereka sebagai tempat berinteraksi dengan Negro. Hanya 12 peratus menyatakan bertemu dengan Negro ketika berehat di bangku yang terdapat berhampiran bangunan tempat tinggal mereka. Hampir kesemua interaksi sambil lalu dengan Negro ketika membeli-belah dan di jalan-jalan sekitar projek perumahan, tidak mendorong kepada interaksi yang lebih mendalam.

Dalam kajian B, mereka yang tinggal berhampiran dengan Negro lebih banyak bertemu dengan Negro berbanding dengan mereka yang tinggal berjauhan. Secara umum, mereka yang tinggal dalam *mixed building* dalam *integrated project* lebih kerap bertemu dengan Negro dan mereka yang tinggal di bangunan yang agak jauh dari bangunan Negro dalam *segregated project* paling kurang bertemu dengan Negro. Kekerapan bertemu dengan Negro di kalangan mereka yang tinggal di tempat *all-time building* dalam *integrated project* dan mereka yang tinggal berdekatan dengan bangunan Negro adalah sederhana (Wilaner, Walkey dan Cook, 1952: 49).

Turut ditemui dalam kajian ini ialah mereka yang tinggal berdekatan mempunyai peranan membentuk tali persahabatan antara dua kumpulan etnik yang berlainan. Dalam Kajian A, 2/3 dari wanita yang tinggal di kawasan *integrated projects* mempunyai sekurang-kurangnya seorang Negro dari lima sahabat karib mereka. Keadaan sebaliknya berlaku di kalangan wanita yang tinggal di kawasan *area-segregated projects*. Tidak ada seorang pun di antara mereka yang mempunyai sahabat karib dari orang Negro. Penemuan ini menunjukkan mereka yang berpeluang bersahabat dengan Negro akan berbuat demikian dan apabila mereka tinggal berjauhan khususnya dalam *area-segregated housing* tali persahabatan antara etnik tidak berlaku.

Di kalangan suri rumah kulit putih yang tinggal di bangunan yang bercampur dengan Negro dalam kajian B, 10 peratus menyatakan tidak berinteraksi dengan Negro, 22 peratus setakat '*exchange greetings*', 26 peratus setakat berbual dan 42 peratus dari '*neighbourly association*' seperti bertandang, membantu dan bekerjasama di antara satu sama lain. Keadaan yang sebaliknya berlaku di bangunan yang dihuni sepenuhnya oleh suri rumah kulit putih. Mereka yang mengadakan interaksi dengan Negro di tempat ini amat kurang sekali. Di kawasan *building segregated projects*, mereka yang tinggal berdekatan dengan Negro mempunyai hubungan yang lebih rapat berbanding dengan mereka yang tinggal jauh dari orang Negro.

Kajian A dan kajian B juga menunjukkan mereka yang tinggal berhampiran mempunyai pandangan yang positif terhadap jiran mereka yang berbangsa Negro. Contohnya, dalam kajian A, lebih ramai wanita yang tinggal dalam *integrated projects* mempunyai pandangan bahawa orang Negro adalah '*polite and respectable*' dan '*sociable and friendly*'. Mereka yang tinggal di *area-segregated projects* pula lebih ramai yang melaporkan tentang sikap negatif orang Negro seperti '*low class*', '*having ill-mannered and destructive children*', '*making trouble and being aggressive*' (Willney, Walkley and Cook, 1952 : 5).

Kajian di tempat kerja antara lain dijalankan oleh Brophy (1945) dan Harding dan Hogrefe (1952). Kajian oleh Brophy (1945:460) di kalangan kelasi mendapati bahawa semakin lama seseorang itu belajar (dengan orang Negro) semakin rendahlah prejudisnya. Satu hubungan yang sangat signifikan wujud di antara ketiadaan prejudis dan bilangan belajar dengan orang Negro (Brophy, 1945: 462). Didapati 33 peratus dari kelasi yang tidak pernah belayar dengan orang Negro mendakwa tidak mempunyai prejudis terhadap orang Negro. Jumlah ini bertambah kepada 46 peratus selepas sekali belayar dengan orang Negro, 62 peratus selepas dua kali dan 82 peratus selepas tiga kali. Keadaan seperti ini boleh terjadi kerana dalam '*survival situations*' mereka perlu mewujudkan solidariti di kalangan mereka. Masa bekerja selama 24 jam sehari juga menggalakkan mereka mewujudkan hubungan yang mendalam dan

menambahkan kesediaan mereka menerima di antara satu sama lain. Harding dan Hogrefe (1952) pula telah menjalankan kajian mengenai kesediaan orang-orang kulit putih bekerja bersama dengan orang kulit hitam. Kajian ini dijalankan di dua buah pasaraya di Eastern City pada tahun 1951. Dalam kajian ini Harding dan Hogrefe (1952: 28) mendapati interaksi sama status di tempat kerja dapat menambah kesediaan orang kulit putih bekerja dengan Negro. Bagaimanapun, ia tidak pula dapat mempengaruhi kesediaan orang kulit putih untuk bergaul dengan orang Negro di tempat lain.

Kajian yang dijalankan di sekolah menunjukkan sekolah yang terdiri daripada pelbagai etnik boleh memberi kesan positif ke atas hubungan etnik. Campbell (1958) telah menjalankan kajian ke atas sebuah sekolah sebelum sekolah itu mengamalkan dasar bercampur (desegregated) untuk melihat kesan sekolah yang bercampur ke atas hubungan etnik. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai perubahan sikap penuntut-penuntut kulit putih terhadap Negro sebelum dan sesudah mereka bersekolah bersama dengan mereka. Kajian ini mendapati pelajar yang mempunyai sahabat di kalangan penuntut Negro mempunyai sikap yang lebih *favourable* terhadap orang Negro secara keseluruhannya (Campbell, 1958: 338). Di samping itu, kajian ini juga mendapati kekerapan seseorang itu belajar sekelas dengan Negro tidak semestinya mengubah sikapnya terhadap Negro. Perubahan sikap itu lebih bergantung kepada sikap pelajar itu sendiri sama ada bersekolah dengan Negro secara sukarela atau kerana terpaksa.

Braddock (1980) melalui kajiannya di dua buah kolej dan universiti di Florida mendapati pelajar kulit hitam yang bersekolah di kolej bercampur atau lulus dari sekolah tinggi yang bercampur akan lebih bersedia melanjutkan pelajaran mereka di kolej atau universiti yang keseluruhannya terdiri dari kulit putih berbanding dengan lulusan *segregated high school*. Ini membuktikan sekolah bercampur dapat mendorong orang kulit hitam mengikuti arus utama dalam masyarakat (Braddock 1980: 185).

Kajian-kajian lain yang dijalankan oleh Braddock bersama pengkaji lain iaitu Mcpartland dan Trent di samping kajian-kajian

yang dijalankan oleh Green (1981, 1982) dan McPartland dan Cram (1980) (Braddock, 1985) menunjukkan orang kulit putih dan kulit hitam yang belajar di sekolah yang bercampur berkecenderungan melibatkan diri dalam persekitaran *desegregated* pada kemudian hari. Kebanyakan mereka akan tinggal di kawasan kediaman bercampur, menyekolahkan anak mereka di sekolah yang bercampur dan terdiri daripada pelbagai etnik. Sebaliknya orang kulit hitam yang sebahagian besar hidup mereka dibesarkan dalam satu institusi tidak bercampur akan terus melibatkan diri dalam institusi lain yang tidak bercampur (Braddock, 1985: 11-12). Beliau berpendapat:

“...school desegregation programs is an investment in the future, since graduates of desegregated schools are more likely to obtain rewarding jobs and to freely choose desegregated colleges, neighborhoods, places of work, and school for their children” (Braddock, 1985: 20)

Walaupun Braddock begitu optimis tentang kemampuan institusi pendidikan yang bercampur, tetapi penemuan Abdullah (1979) mengenai reaksi pelajar Melayu di Northern Illinois University dengan masyarakat di sana menunjukkan kemampuan institusi pendidikan yang terdiri daripada pelbagai etnik atau ras untuk mewujudkan perpaduan ada batasnya. Di Northern Illinois University, pelajar Melayu hanya mempunyai hubungan yang rapat dengan pelajar Melayu sahaja. Interaksi mereka dengan pelajar Amerika amat kurang sekali. Pelajar Melayu di samping berkelompok sesama sendiri, seberapa boleh mengekalkan cara hidup mereka ketika di tanah air seperti berbahasa Melayu, membaca akhbar berbahasa Melayu, mendengar lagu Melayu dan mengutamakan masakan Melayu. Antara sebab mengapa mereka mengekalkan *ethnic boundary* ialah sikap mereka yang bimbang masyarakat Amerika akan mencemarkan tahap normal mereka yang mereka anggap tinggi (Abdullah, 1979: 9).

Tinjauan ke atas kajian yang dinyatakan menunjukkan bahawa peluang interaksi sememangnya mempunyai peranan yang penting untuk mewujudkan perpaduan. Bagaimanapun, keberkesannya

juga tertakluk kepada beberapa faktor seperti sikap mereka yang berada dalam situasi interaksi sama ada bersedia mewujudkan interaksi ataupun tidak, sifat interaksi itu sendiri sama ada bersifat persaingan atau kerjasama, dan situasi interaksi sama ada mendorong atau menghalang berlakunya interaksi.

Secara keseluruhannya, permasalahan yang dikaji ialah berjayakah industri mengurangkan serta menghapuskan perasaan perkauman di kalangan pekerja dan mampukah industri mewujudkan perpaduan, atau hanya menegangkan lagi hubungan antara etnik di kalangan pekerja. Permasalahan yang seterusnya ialah bagaimana situasi di dalam kilang menyediakan peluang interaksi kepada pekerja. Apakah setiap pekerja mempunyai peluang interaksi yang sama dan adakah setiap pekerja akan merebut peluang itu untuk berinteraksi dengan pekerja dari etnik lain. Dalam hal ini, perlu juga dikenal pasti apakah faktor yang mempengaruhi peluang interaksi pekerja dan juga faktor yang mempengaruhi interaksi pekerja dengan pekerja dari etnik lain.

Berdasarkan kepada kajian yang pernah dijalankan, faktor yang didapati mempengaruhi peluang interaksi seseorang ialah tinggal berdekatan (*proximity*), status asas seperti jantina dan tahap pendidikan, dan faktor personaliti. Faktor yang mempengaruhi kadar interaksi seseorang pula antara lain dipengaruhi oleh jumlah peluang interaksi, jangka masa ia berada dalam sesebuah situasi interaksi, pengalaman bergaul dengan etnik lain, sikap, personaliti dan bentuk hubungan sama ada bersifat persaingan atau kerjasama dan sama ada hubungan itu berbentuk sama status ataupun tidak.

#### 1.4 PENDEKATAN TEORITIS

Di antara pendekatan yang digunakan untuk mengkaji hubungan etnik ialah pendekatan yang dinamakan sebagai *contact hypothesis* atau *interaction hypothesis*, suatu pendekatan yang sama dengan pendekatan *situational* yang dikemukakan oleh Allport (W. Scott Ford, 1973: 1426).

Pendekatan ini adalah hasil dari penyelidikan sosial yang dijalankan dalam bidang prejudis ras dan etnik. Antara pengkaji dan penulis yang cuba melihat kepentingan situasi interaksi termasuklah Robin M. Williams, Jr. (1964), Yehuda Amir (1976), W. Scott Ford (1973), Stuart W. Cook (1962) dan ramai lagi. Kajian mengenai interaksi ini bermula dalam keadaan yang asal seperti di kalangan tentera, dalam industri dan projek-projek perumahan. Cara ini merupakan pendekatan yang utama bagi pendokong-pendokong awal teori ini. Kemudian timbul pula tiga pengkaedahan (methodological approach) lagi. Pertama, yang menekankan kajian makmal, kedua, yang mengkaji pelbagai faktor yang mempengaruhi interaksi antara kumpulan dalam *structural field* dan ketiga, yang mengkaji kesan interaksi di sekolah yang berasingan (Stephen & Brigham, 1985: 2-3).

Hasil dari kajian-kajian yang dijalankan mengenai interaksi di antara kumpulan etnik menunjukkan bahawa interaksi yang wujud boleh mengurangkan atau menambahkan lagi prejudis dan ketegangan antara kaum. Allport sendiri menganggap interaksi sebagai satu pembolehubah *situational* (Allport, 1954: 280). Maksudnya interaksi itu bergantung kepada situasi atau keadaan di mana interaksi itu berlaku.

Terdapat tiga kumpulan pembolehubah yang utama di mana tiap-tiap satunya boleh dipecahkan kepada pembolehubah yang lebih khusus yang mempengaruhi situasi interaksi dan seterusnya ke atas hubungan antara kumpulan. Pembolehubah itu ialah: (Amir, 1976: 252 & 280)

1. peluang berinteraksi
2. sifat kumpulan yang berinteraksi
3. sifat individu yang berinteraksi

#### 1.4.1 Peluang Berinteraksi

Situasi yang berlainan menyediakan peluang interaksi yang berbeza, sama ada banyak atau sedikit kepada kumpulan-kumpulan dalam situasi interaksi. Peluang interaksi untuk pelbagai kumpulan berada

dalam situasi interaksi seperti ketika menonton pertandingan bola sepak di stadium tentu berbeza dari situasi di tempat kerja. Situasi di tempat kerja menyediakan lebih banyak peluang interaksi antara kumpulan etnik, berbanding dengan keadaan di stadium. Stuart W. Cook (1962) menamakan peluang yang disediakan oleh sesuatu situasi interaksi sebagai '*acquaintance potential*' (Cook, 1962: 75).

Di samping peluang yang disediakan oleh sesuatu situasi interaksi, penghalang kepada interaksi juga boleh wujud dari situasi itu sendiri. Penghalang itu termasuklah perbezaan bahasa, agama, status, kecenderungan bergaul dengan kumpulan sendiri, sikap negatif kumpulan lain dan sikap terhadap interaksi dengan kumpulan lain. Jika individu itu telah mempunyai sikap yang negatif, interaksinya dengan etnik lain tentulah terhad.

#### 1.4.2 Sifat Kumpulan Yang Berinteraksi

##### a) Status Kumpulan Secara Relatif

Menurut Allport (1954), jika interaksi perlu berperanan untuk mengurangkan prejudis, maka ia perlu berasaskan kepada interaksi sama status di antara kumpulan majoriti dan minoriti untuk mencapai matlamat bersama. Interaksi seperti ini akan lebih berkesan jika mendapat sokongan dari institusi sosial (Allport, 1954: 281). Pendapat yang hampir serupa juga dikemukakan oleh Walter G. Stephen dan John C. Brigham (1985):

“Intergroup contact per se has only questionable value for reducing prejudice unless it is accompanied by an equal status between the participants – accompanied, if possible, by cooperative relations and supported by institutional norms”. (Stephen & Brigham, 1985: hlm. editor).

Ahli-ahli psikologi juga mengakui akan kepentingan hubungan sama status antara kumpulan sebagai prasyarat kepada perubahan sikap yang positif. Sungguhpun ramai pengkaji bersetuju interaksi sama status boleh menghasilkan perubahan sikap yang positif tetapi masih lagi disangsikan jika persamaan status merupakan



sesuatu yang wajib untuk menghasilkan perubahan sikap di kalangan kumpulan yang berinteraksi. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa rasa permusuhan dapat dikurangkan walaupun interaksi di antara kumpulan itu bukannya berasaskan hubungan sama status (Amir, 1976: 256).

b) Faktor Kerjasama dan Persaingan

Faktor kerjasama dan persaingan merupakan faktor penting dalam situasi interaksi antara kumpulan. Situasi interaksi yang melibatkan kerjasama serta menguntungkan, terutamanya jika terdapat matlamat utama (superordinate goal) yang merentasi kepentingan kumpulan akan menggalakkan hubungan yang baik antara kumpulan. Di samping itu jika tiap-tiap kumpulan dalam situasi interaksi itu berusaha mencapai matlamat yang berlainan, perubahan yang positif juga dapat dicapai (Amir, 1976: 272).

Faktor persaingan pula akan melibatkan usaha untuk mencapai matlamat yang sama terutamanya terhadap sumber-sumber yang terhad iaitu persaingan yang dinamakan '*zero-sum game*'. Dalam keadaan seperti ini kejayaan seseorang atau sesuatu kumpulan bermakna kegagalan bagi orang atau kumpulan lain. Faktor persaingan juga melibatkan frustrasi, konflik dan ancaman yang menyebabkan wujudnya permusuhan.

c) Hubungan Yang Mesra dan Hubungan Sambil Lalu

Interaksi yang mesra dan yang bersifat sambil lalu akan mendatangkan kesan yang berbeza terhadap perubahan sikap. Kekerapan interaksi tidak akan bermakna jika hubungan bersifat sambil lalu kerana hubungan seperti ini akan hanya meninggikan lagi prejudis (Amir, 1976: 273). Hubungan jenis ini dianggap mempunyai sedikit atau tiada langsung kesannya ke atas perubahan sikap.

Sebaliknya, hubungan yang mesra berkecenderungan menghasilkan perubahan yang positif walaupun ia mungkin terhad dalam situasi interaksi sahaja. Interaksi seperti ini mungkin melibatkan

kepuasan serta menyenangkan. Ahli-ahli kumpulan yang berhubung dalam situasi seperti ini tidak lagi memandang ahli kumpulan lain berdasarkan stereotaip yang mereka pegang tetapi sebagai individu yang banyak persamaan dengan mereka (Amir, 1976 : 276).

d)      Rol Sokongan Institusional

Keberkesanan interaksi antara etnik boleh meningkat jika mendapat sokongan institusional seperti dari undang-undang, adat resam, ketua masyarakat, persetujuan umum ataupun melalui dasar kerajaan. Sokongan seperti ini akan mendorong orang ramai bertindak mengikut kehendak masyarakat dan pemerintah (Amir, 1976 : 277).

### 1.4.3 Sikap Individu Yang Berinteraksi

Sikap individu boleh dibahagikan kepada dua iaitu a) faktor personaliti dan b) kekuatan sikap awal. Robin M. Williams, Jr. (1964) menganggap personaliti dan sikap mempunyai peranan yang lebih besar berbanding dengan peranan status. Menurut beliau,

“Interaction within an available contact situation is more likely to be affected by the attitudes and personality of the participants than by their role and status memberships” (Williams, 1965: 163).

a)      Faktor Personaliti

Walaupun terdapat berbagai faktor yang menggalakkan interaksi dalam sesuatu situasi interaksi, namun ia belum menjamin berlakunya perubahan sikap. Ini kerana personaliti tertentu tidak dapat dipengaruhi oleh interaksi antara etnik secara positif. Oleh itu boleh dikatakan personaliti individu yang berinteraksi boleh memainkan peranan yang besar untuk menentukan hasil dari situasi interaksi (Amir, 1976: 278).

### b) Kekuatan Sikap Awal

Apa yang dimaksudkan dengan kekuatan sikap awal iaitu sikap seseorang individu sebelum sesuatu interaksi diadakan. Jika seseorang itu mempunyai sikap yang positif terhadap interaksi yang akan diadakan, maka sikapnya akan menjadi bertambah positif setelah interaksi diadakan. Sebaliknya seseorang individu akan menjadi bertambah negatif jika awal-awal lagi ia memang tidak suka terhadap interaksi yang akan wujud (Amir, 1976: 280).

“As a general rule, the highly prejudiced person will dislike and distrust intergroup contacts and will seek to avoid them when possible and expedient”. (Williams, 1964: 159).

Sebagai rumusan, pendekatan *contact hypothesis* melihat keadaan yang wujud dalam situasi interaksi akan menentukan sama ada perubahan tingkah laku akan berlaku ataupun tidak. Terdapat keadaan yang akan menghasilkan perubahan sikap yang positif dan ada pula yang akan mengukuhkan lagi prejudis dan ketegangan yang telah sedia ada.

Keadaan yang didapati berkecenderungan untuk mengurangkan prejudis dan ketegangan kaum ialah:

- a) interaksi sama status di antara ahli dari kumpulan etnik yang berbeza.
- b) interaksi di antara kumpulan majoriti dengan ahli kumpulan minoriti yang berstatus tinggi.
- c) bila pihak berkuasa dan/atau *social climate* sendiri menggalakkan interaksi antara etnik.
- d) bila interaksi itu bersifat intim (rapat) dan bukannya bersifat sambil lalu sahaja.
- e) bila interaksi di antara etnik itu menyenangkan dan menguntungkan.
- f) bila interaksi antara ahli-ahli kedua-dua kumpulan etnik itu melibatkan aktiviti yang penting untuk mencapai matlamat

bersama atau matlamat yang mengatasi matlamat individu dalam setiap kumpulan (Amir, 1969: 338).

Sementara keadaan interaksi yang didapati menambahkan atau menguatkan lagi prejudis ialah:

- a) bila interaksi melibatkan persaingan antara kumpulan etnik.
- b) bila interaksi itu merendahkan status atau prestij satu-satu kumpulan.
- c) bila interaksi itu bersifat kurang menyenangkan, tidak secara sukarela dan penuh dengan ketegangan.
- d) bila ahli-ahli dalam sesuatu kumpulan atau kumpulan itu sendiri dalam keadaan kecewa (iaitu akibat dari personaliti yang lemah, kegagalan atau kemelesetan ekonomi dan lain-lain lagi) – interaksi seperti ini akan mewujudkan scapegoat etnik.
- e) bila kumpulan yang berhubung mempunyai *standard* moral atau etnik yang bertentangan di antara satu sama lain.
- f) bila ahli-ahli kumpulan minoriti berada dalam status yang rendah atau mempunyai ciri-ciri lain yang lebih rendah dari kumpulan majoriti (Amir, 1969 : 338).

## 1.5 ANALISIS HASIL KAJIAN

Di samping bertujuan memperbaiki kedudukan ekonomi orang Melayu, Dasar Ekonomi Baru juga diharap dapat memperbaiki keadaan hubungan etnik menerusi perkembangan industri. Kerajaan berharap apabila etnik yang berbeza bekerja di tempat yang sama akan lahir lah bibit-bibit perpaduan di antara mereka dan dengan sendirinya menyelesaikan masalah perpaduan etnik di negara ini. Bertolak dari anggapan ini, perbincangan-perbincangan di dalam bab-bab terdahulu telah difokus untuk menilai beberapa pokok persoalan yang timbul iaitu:

- (i) Hubungan di antara peluang interaksi dengan kekerapan interaksi.
- (ii) Hubungan di antara kekerapan interaksi dengan sikap perkauman pekerja.
- (iii) Pola hubungan dan konflik etnik di kalangan pekerjaanya.
- (iv) Keberkesanan industri mewujudkan perpaduan etnik di kalangan pekerja.

Berdasarkan kepada persoalan-persoalan ini, perbincangan seterusnya akan merumus setepat mungkin penemuan-penemuan yang terdapat di dalam kajian ini. Perbincangan akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

- (i) Peluang Interaksi dan Pola Hubungan Etnik
- (ii) Industri dan Perpaduan Etnik

### **1.5.1 Peluang Interaksi dan Pola Hubungan Etnik**

Sesungguhnya peluang interaksi banyak terdapat di tempat kerja. Tetapi adalah silap untuk menganggap setiap pekerja mempunyai peluang interaksi yang sama ataupun menganggap setiap peluang interaksi boleh mendorong pekerja berinteraksi di antara satu sama lain. Kajian ini mendapati peluang untuk pekerja berinteraksi dengan etnik lain tidak sama banyak di antara satu sama banyak di antara satu tempat dengan tempat yang lain. Bekerja dengan etnik lain di bahagian yang sama menyediakan peluang interaksi yang lebih banyak berbanding dengan bekerja di bahagian yang berlainan. Tetapi peluang interaksi yang terdapat di sesuatu tempat juga mempunyai kesan yang berbeza-beza. Ada peluang interaksi yang boleh mendorong interaksi terjadi dan ada pula yang sebaliknya. Peluang interaksi yang terdapat di bahagian pengeluaran seperti di bahagian memasang tayar umpamanya tidak menghasilkan kekerapan interaksi yang tinggi berbanding dengan kesan peluang berinteraksi yang terdapat di bahagian pejabat. Ada dua sebab mengapa keadaan ini terjadi. Pertama, bekerja di bahagian pengeluaran memerlukan

konsentrasi yang tinggi bagi menjamin mutu pengeluaran sejajar dengan kawalan mutu yang ditetapkan. Keadaan ini tidak berlaku di bahagian pejabat. Walaupun menumpukan perhatian kepada kerja juga diperlukan di pejabat tetapi ia tidak pula berkaitan secara langsung dengan mutu pengeluaran. Di samping itu keadaan di tempat kerja turut mempengaruhi keberkesanan peluang interaksi menambah kekerapan interaksi. Tempat kerja yang bising seperti di bahagian pengeluaran tentunya menyukarkan pekerja berinteraksi berbanding dengan keadaan di pejabat yang lebih selesa dan jauh dari bunyi jentera yang bising.

Boleh dikatakan bahawa jika peluang interaksi boleh berperanan mendorong berlakunya interaksi di tempat kerja, peluang interaksi itu haruslah wujud dalam persekitaran yang selesa, tenteram dan tidak terlalu terikat dengan apa-apa tekanan seperti tekanan kerja. Oleh itu tidak hairanlah sekiranya interaksi lebih banyak berlaku di luar waktu bekerja berbanding dengan dalam waktu bekerja.

Di samping tidak sama banyak di antara satu tempat dengan tempat yang lain, peluang interaksi yang diterima oleh seorang pekerja dengan pekerja yang lain juga berbeza. Didapati faktor yang mempengaruhi peluang interaksi yang diterima oleh pekerja berkait rapat di antara satu sama lain. Faktor-faktor yang dimaksudkan termasuklah taraf pendidikan, bahagian dan pendapatan. Kebanyakan pekerja yang mempunyai peluang interaksi tinggi mempunyai taraf pendidikan yang tinggi, berpendapatan tinggi dan bekerja di bahagian pejabat. Bagi pekerja yang mempunyai peluang interaksi rendah dan sederhana pula mereka ini berpendidikan rendah atau sederhana, berpendapatan sederhana (dan sedikit berpendapatan rendah) dan bekerja di bahagian pengeluaran.

Perkaitan di antara faktor-faktor ini dengan peluang interaksi yang diterima dapat diterangkan melalui contoh berikut. Disebabkan taraf pendidikan pekerja rendah, ia mendapat pekerjaan yang memberikan pulangan atau pendapatan yang rendah dan kebanyakan pekerjaan yang memberikan pendapatan yang rendah pula terdapat di bahagian pengeluaran. Oleh kerana keadaan di bahagian pengeluaran bising, panas dan wujud tekanan kerja yang kuat, peluang untuk

berinteraksi berkurangan. Sebaliknya bagi pekerja yang berpendidikan tinggi, mereka menyandang jawatan yang memberikan pendapatan yang tinggi dan jawatan ini pula kebanyakannya adalah jawatan di pejabat. Disebabkan keadaan kerja di pejabat yang selesa, tenteram dan kurang tekanan kerja, maka peluang interaksi juga banyak.

Dalam perkataan lain, faktor latar belakang pekerja iaitu taraf pendidikan, pendapatan dan di bahagian mana mereka bekerja mempunyai pertalian yang rapat dengan persekitaran tempat kerja di dalam menentukan tinggi atau rendah peluang interaksi yang diterima oleh pekerja. Jangka masa bekerja yang lama didapati tidak dapat menambah peluang untuk pekerja berinteraksi dengan etnik lain. Walaupun terdapat pekerja yang telah bekerja selama 18 tahun, tetapi peluang untuknya berinteraksi dengan etnik lain masih rendah sedangkan terdapat pekerja baru tetapi mempunyai peluang interaksi yang tinggi.

Seterusnya kajian ini mendapati kekerapan interaksi antara etnik di kalangan pekerja adalah tinggi. Bagaimanapun jika dilihat dari segi peluang interaksi pekerja, didapati semakin tinggi peluang interaksi pekerja, semakin tinggilah kekerapan interaksinya dengan etnik lain. Interaksi di antara pekerja kerap berlaku di luar waktu bekerja seperti pada waktu rehat, ketika menunggu giliran memulakan kerja, di kelab, pada Hari Keluarga, *Hawkers Night* dan ketika berkunjung ke rumah kawan seperti semasa perayaan, majlis kenduri ataupun hari jadi. Di samping faktor peluang interaksi yang telah sedia ada di kilang, majikan dan kesatuan sekerja juga turut memainkan peranan di dalam menggalakkan interaksi di antara pekerja khususnya antara etnik melalui aktiviti yang dijalankan.

Kadar interaksi yang tinggi di kalangan pekerja seterusnya didapati mempengaruhi sikap mereka terhadap beberapa persoalan yang dikemukakan seperti mengenai kahwin campur, pemilihan tempat tinggal, tempat kerja dan cara hidup etnik manakah yang terbaik.

Kepentingan peluang berinteraksi dan juga kekerapan interaksi di dalam merapatkan hubungan di antara etnik juga dapat dilihat dari segi sikap pekerja terhadap kahwin campur. Walaupun kajian ini mendapati orang Melayu paling ramai tidak

menyetujui kahwin campur atas alasan yang berkaitan dengan agama tetapi pengaruh peluang interaksi dan kekerapan interaksi ke atas sikap pekerja Melayu adalah jelas. Pekerja Melayu yang mempunyai peluang interaksi dan kekerapan interaksi yang tinggi lebih bersedia menerima idea kahwin campur berbanding dengan rakan mereka yang lain.

Peluang interaksi dan kekerapan interaksi juga didapati mempunyai hubungan dengan sikap etnosentrik dan jarak sosial pekerja. Dalam soal etnosentrisme, pekerja Melayu yang rendah peluang interaksinya menunjukkan sikap etnosentrik yang begitu kuat berbanding dengan pekerja Melayu yang mempunyai peluang interaksi tinggi. Mereka tidak dapat menerima anggapan bahawa cara hidup di antara etnik yang berbeza adalah sama sahaja iaitu ada kelebihan dan kelemahannya.

Peranan peluang interaksi dan kekerapan interaksi seterusnya dapat juga dilihat dari segi sikap pekerja apabila diminta membuat pilihan tempat kerja dan tempat tinggal jika diberi peluang untuk berbuat demikian. Kajian ini telah menunjukkan sikap pekerja yang mempunyai peluang interaksi yang tinggi, hampir kesemuanya memilih tempat kerja yang terdiri dari pelbagai etnik. Sebaliknya peratus pekerja yang mempunyai peluang interaksi rendah yang memilih tempat kerja yang terdiri dari etnik sendiri sahaja mengatasi kumpulan interaksi yang lain iaitu kumpulan interaksi sederhana dan tinggi. Pola yang hampir serupa juga ditunjukkan dalam soal memilih tempat tinggal.

Jika dilihat dari sudut yang positif mungkin kita boleh katakan peluang interaksi yang tinggi menghasilkan kadar interaksi yang tinggi sehingga dapat membantu mengurangkan sikap perkauman di antara pekerja. Bagaimanapun di dalam membuat kesimpulan seperti ini kita harus mengambil kira bahawa jawapan pekerja berkaitan dengan sikap seperti terhadap perkahwinan campur, pemilihan tempat kerja dan tempat tinggal terlalu subjektif sifatnya untuk dijadikan ukuran bahawa di kalangan mereka sifat perkauman telah berkurangan, khususnya yang mempunyai peluang interaksi yang lebih tinggi. Kemungkinan sikap sebenar pekerja berbeza dengan



apa yang diamalkan tidaklah dapat dinafikan begitu sahaja. Terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira sebelum membuat apa-apa kesimpulan.

Pertama, kajian ini terpaksa dihentikan secara serta-merta atas arahan pengurus perjawatan dengan alasan soal selidik mengandungi soalan yang dianggap sensitif. Soalan berkenaan (iaitu “Apakah majikan anda memberi layanan yang sama kepada pekerja tanpa mengira kaum” dan “Jika tidak, kaum manakah yang diberi layanan istimewa?”) sebenarnya hanya akan menjadi sensitif jika ditanya dalam persekitaran yang sememangnya diselubungi oleh perasaan perkauman. Dalam perkataan lain, masalah perkauman sebenarnya wujud di kilang ini. Tambahan pula jawatan Pengurus Latihan itu sendiri menjadi isu perkauman apabila pekerja Melayu menganggap jawatan itu harus diberi kepada orang Melayu, iaitu atas faktor kaum dan bukan atas faktor kelayakan.

Kedua, konflik etnik pernah berlaku di kilang ini apabila pekerja Melayu menjumpai daging babi yang disimpan di dalam peti ais pengusaha kantin keturunan Cina. Insiden ini berpunca dari perebutan mendapatkan peluang-peluang ekonomi iaitu mendapatkan tender kantin tetapi telah menjadi konflik etnik apabila isu perkauman yang berkaitan dengan sensitiviti orang Melayu atau Islam dieksploitasi. Ini menunjukkan bahawa mereka yang menggunakan isu ini menyedari bahawa pekerja mempunyai sikap perkauman kerana isu perkauman hanya akan dapat sokongan dalam persekitaran yang bersifat sedemikian.

Akhir sekali ialah hakikat bahawa peringkat persahabatan pekerja dengan etnik lain kebanyakannya rendah iaitu mereka bersahabat sekadar bertegur sapa seperti bertanya khabar, berbual perkara-perkara biasa dan yang berkaitan dengan kerja. Ini menunjukkan terdapat halangan di kalangan pekerja menjalinkan hubungan yang lebih bermakna dengan etnik lain. Faktor itu tentunya berkaitan dengan faktor perkauman.

### 1.5.2 Industri dan Perpaduan Etnik

Perkembangan industri di negara ini dari satu segi berjaya menambah penyertaan orang Melayu dalam bidang perindustrian tetapi dari segi yang lain ia gagal membantu orang Melayu mendapat bahagian yang lebih besar dalam bidang tersebut. Ini kerana penyertaan orang Melayu dalam bidang industri lebih tertumpu kepada pekerjaan peringkat bawahan yang memberi pulangan terendah. Keadaan ini boleh menyebabkan orang-orang Melayu merasakan diri mereka dieksploitasi oleh golongan pemodal yang sebahagian besarnya terdiri daripada orang-orang bukan Melayu. Dalam keadaan masyarakat yang menjadikan politik perkauman sebagai platform perjuangan, khususnya di kalangan ahli politik, perasaan ini boleh berkembang subur dan mengeruhkan hubungan di antara etnik.

Masalah perkauman di negara ini sesungguhnya adalah masalah yang rumit. Menyelesaikan masalah ini tidaklah semudah menemukan etnik yang berbeza di tempat kerja yang sama kerana ia tidak dengan sendirinya mampu menyelesaikan masalah perpaduan. Masalah perpaduan perlu diselesaikan dalam konteks yang lebih luas dan perlu melibatkan perubahan-perubahan dalam institusi pendidikan, ekonomi dan politik.

Kajian ini telah menunjukkan bahawa perkembangan industri hanya memberi sedikit kesan ke atas hubungan di antara etnik. Hasil dari pelbagai etnik bekerja di tempat yang sama hanya mampu menambahkan interaksi di antara mereka tetapi tidak dapat mengikis perasaan perkauman pekerja. Mengapakah keadaan ini berlaku?

Pendekatan *Contact Hypothesis* menyatakan kekuatan sikap awal seseorang (atau kekuatan sikap perkauman pekerja) sebelum ia berinteraksi dengan etnik lain akan mempengaruhi sesuatu situasi interaksi. Dalam hal ini jelaslah bahawa kekuatan sikap perkauman pekerja telah terbentuk sedemikian rupa hingga sukar untuk berubah walaupun mereka kerap berinteraksi dengan etnik lain.

Kekuatan sikap awal mereka ini (iaitu sikap perkauman) telah dibentuk oleh faktor-faktor yang wujud di luar kilang. Pelbagai etnik yang bekerja di tempat yang sama sebenarnya telah membawa

bersama sifat perkauman yang telah dibentuk oleh masyarakatnya. Sifat perkauman inilah yang mempengaruhi sikap mereka apabila berinteraksi dengan etnik lain. Jika terdapat kesan positif daripada interaksi di antara etnik di tempat kerja, ia akan luput dengan mudah apabila pekerja tersebut keluar dari kilang dan berada semula dalam masyarakat yang bersifat perkauman.

Salah satu faktor penting dalam masyarakat yang menyuburkan sifat perkauman di kalangan penduduk di negara ini ialah sistem politik perkauman. Loh Kok Wah (1984) menyatakan sejak merdeka politik di Malaysia semakin bersifat perkauman berbanding dengan zaman sebelumnya. Politik perkauman merujuk kepada satu kepercayaan positif kepada organisasi politik dan sosial yang berasaskan garis perkauman atau etnik. Organisasi yang sedemikian akan bersaing untuk mendapatkan sokongan seluas mungkin dari kumpulan masing-masing dengan menggunakan beberapa faktor penting seperti persamaan bahasa, agama, ras atau pengenalan etnik (Sanusi, 1989:33). Harus difahami bahawa kewujudan pelbagai parti dan berasaskan kepada etnik tertentu tidak dengan sendirinya mencetuskan masalah perkauman tetapi ia berpunca daripada sistem politik yang membenarkan isu-isu perkauman dieksploitasi. Dalam hal ini Wan Hashim (1983:79) menegaskan,

Isu yang berkaitan dengan tingkahlaku politik di negara sedang membangun bukanlah sangat kerana bentuk parti politik yang wujud iaitu perkauman ataupun bukan, tetapi terletak kepada jenis sistem politik yang diamalkan ... Tiada siapa harus dipersalahkan jika seseorang itu berfikiran sempit, taksub dan bersifat perkauman (*parochial, chauvinistic or racialist*) melainkan sistem yang membenarkan sentiment seperti itu dieksploit dan dipolitikkan demi kepentingan ahli politik.

Dalam sistem politik perkauman, parti politik yang terlibat akan menghadkan keanggotaannya kepada kumpulan etnik tertentu sahaja dan mengutamakan kumpulan etnik yang diwakilinya. Kewujudan parti yang membuka keahliannya kepada semua etnik

ada kalanya turut terikut dengan arus politik perkauman dan akhirnya menjadi parti yang bercorak perkauman juga seperti DAP dan Gerakan. Dalam usaha untuk meraih sokongan dari etnik masing-masing parti-parti yang terlibat mengemukakan tuntutan yang lebih hebat, berani dan kelihatan ekstrem. Isu yang dikemukakan akan dengan mudah menarik perhatian golongan massa kerana hampir setiap parti mempunyai akhbar sendiri yang menjadi jurucakap kepada masyarakat. Isu yang digunakan selalunya berkaitan dengan perebutan kuasa ekonomi dan politik antara etnik di negara ini. Dalam keadaan seperti ini golongan pekerja tidak akan terlepas dari turut terlibat dalam menghujah isu yang dibangkitkan, yang selalunya dihujah secara “sempit, ta’asub dan bersifat perkauman.”

Isu perkauman dieksploitasi secara berleluasa bukan sahaja oleh parti pembangkang tetapi juga parti yang memerintah demi mengekalkan kekuasaan mereka. Umpamanya, di antara UMNO dan MCA sering sahaja bertelagah seolah-olah mempertahankan kepentingan etnik masing-masing seperti dalam soal taraf pribumi orang Melayu. Isu pribumi ini bukan sahaja memberi kredit kepada UMNO dan MCA dari segi sokongan yang diterima tetapi juga memerangkap parti pembangkang yang dijadikan *scapegoat* apabila keadaan hubungan antara etnik meruncing. Boleh dikatakan bahawa isu perkauman merupakan senjata yang paling berkesan bagi pihak pemerintah mengekalkan kuasa politik mereka.

Dalam keadaan seperti ini, agak sukar untuk membayangkan bagaimana dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mencapai perpaduan boleh berjaya. Dasar Ekonomi Baru yang menjadi landasan perkembangan industri sehingga 1990 umpamanya sering dianggap oleh sesetengah pihak sebagai bercorak perkauman kerana terlalu memberi tumpuan kepada orang Melayu dan bumiputera lain. Bukan sahaja Dasar Ekonomi Baru dieksploitasi dan dipolitikkan, malah boleh dikatakan kebanyakan dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan akan menerima nasib yang sama kerana inilah realiti dalam sistem politik perkauman.

Disebabkan adanya faktor luaran yang mempengaruhi keadaan hubungan etnik di kilang, hubungan di antara pekerja lebih bersifat luaran atau *superficial*. Hubungan seperti ini mengikut

pendekatan *contact hypothesis* mempunyai sedikit atau tiada langsung kesannya ke atas perubahan sikap. Oleh itu tidak hairanlah walaupun kadar interaksi antara etnik di kalangan pekerja tinggi tetapi darjah persahabatan mereka sebahagian besarnya masih rendah. Hubungan yang *superficial* ini pula secara keseluruhannya akan meneguhkan lagi sifat perkauman pekerja apabila berhubung dengan etnik lain dalam masyarakat.

Pendekatan *Contact Hypothesis* walaupun mempunyai kelebihan dari segi menganalisis sesuatu keadaan seperti di kilang tetapi kemampuannya menganalisis masalah hubungan etnik secara holistik sangat terhad. Pendekatan ini tidak dapat menjelaskan sejauh mana sesuatu interaksi yang berlaku itu dipengaruhi oleh faktor luaran seperti sistem politik, ekonomi dan sosial. Di samping itu, pendekatan ini juga tidak dapat menjelaskan pengaruh mobiliti buruh terhadap hubungan etnik. Sebagai contoh, di negara kita pada tahun-tahun sebelum 1970, pekerja-pekerja di bahagian pengeluaran dikuasai oleh orang-orang bukan Melayu tetapi kini tempat itu telah diisi oleh orang-orang Melayu. Persoalannya, sejauh manakah perubahan pola guna tenaga buruh mengikut etnik yang disebabkan oleh mobiliti buruh mempunyai signifikansi ke atas hubungan etnik? Oleh itu adalah dicadangkan bahawa penggunaan pendekatan ini hendaklah disokong oleh pendekatan lain yang mampu menampung kekurangan yang terdapat dalam pendekatan *Contact Hypothesis* ini.

## 1.6 KESIMPULAN

Bekerja bersama dengan etnik lain tidak mampu mengikis sikap perkauman pekerja. Tempat kerja adalah sebahagian daripada masyarakat. Apa yang berlaku dalam masyarakat akan turut mempengaruhi keadaan di tempat kerja. Apabila terdapat sikap perkauman dalam masyarakat, sikap yang sama juga akan wujud di tempat kerja. Oleh itu satu perubahan masyarakat yang menyeluruh perlu bagi menyelesaikan masalah perkauman di negara ini. Amat tepat apa yang dikatakan oleh Ishak Shaari dan Jomo K.S. (1984:

39), “Tetapi pilihan sebenar yang masih terbuka kepada masyarakat kita adalah amat terhad. Nampaknya, sesuatu gerakan rakyat yang benar-benar bersifat kebangsaan atau nasional (dan bukan berasaskan hanya pada satu kaum) tidak akan mendapat sambutan umum yang hebat. Tetapi pada hemat kami, tiada cara lain untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi. Oleh itu, perkara ini harus dijadikan perkara utama dalam agenda kebangsaan.” Nyatalah sokongan dan perubahan di luar tempat kerja amat perlu bagi menjadikan kilang sebagai tempat mengukuhkan sifat perpaduan antara etnik dan mengikis unsur-unsur perkauman.